

KERTAS BINCANG MENGEMBALIKAN SEBENAR KEMURNIAAN ISLAM – PENGALAMAN SINGAPURA MEMBETULKAN SALAHTANGGAP MENGENAI ISLAM DALAM KONTEKS MENGGALAKKAN INTEGRASI NASIONAL

Pendahuluan: Imej Islam Selepas Peristiwa Sep 11

1 Peristiwa Sept 11 telah merubah wajah Islam sejagat. Singapura sebagai negara kosmopolitan degan penduduk berbilang agama dan bangsa tidak terlepas daripada kesan tersebut baik dari segi keselamatan mahupun kesan sosial, psikologi dan ekonomi. Selepas 911, timbul pula isu-isu sampingan dalaman seperti penangkapan kumpulan militan Jemaah Islamiah di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan isu aurat (“tudung”) di sekolah pemerintah yang kemudian dieksploitasikan oleh sesetengah pihak.

2 Sebagai golongan minoriti yang berjumlah sekitar setengah juta orang atau 15 peratus daripada penduduk keseluruhannya, masyarakat Islam Singapura turut merasakan “tekanan” tersebut. Hampir setiap hari sejak Sep 11, isu-isu yang bersangkutan dengan masyarakat Islam dalam dan luar negara mendapat perhatian media. Sesetengah laporan itu memaparkan imej Islam yang kurang tepat dan sedikit sebanyak mempengaruhi pandangan masyarakat bukan Islam di Singapura terhadap Muslim dan agama Islam itu sendiri.

3 Dengan senario yang kurang menentu, masyarakat Islam Singapura perlu peka, bijak dan proaktif dalam mengambil pendirian dan menangani isu sensitif ini. Apa jua respons dan pendirian mereka akan mengundang pelbagai tafsiran dan “signals” kepada masyarakat lain. Ini tentunya akan memberi kesan mendalam ke atas kedudukan masyarakat Islam dan imej Islam.

Membetulkan Imej Islam: Pendekatan dan Strategi

4 Dalam menghadapi cabaran pos Sep 11 ini, masyarakat Islam di bawah pimpinan Muis, mengambil pendirian tegas dengan berpandukan prinsip berikut:

- (a) Masyarakat Islam adalah sebahagian daripada arus perdana masyarakat majmuk Singapura. Justeru itu, tidak wajar bagi masyarakat Islam mengambil pendirian eksklusif dan inklusif yang boleh membawa kesan negatif, tersisih dan diragui oleh kaum lain.
- (b) Masyarakat Islam tidak harus bersikap defensif kerana hakikatnya majoriti Muslim Singapura bersikap sederhana dan menentang sebarang tindakan ganas yang bertentangan dengan ajaran Islam.
- (c) Tegas dalam menegakkan kebenaran dan keadilan sejajar dengan prinsip Islam sebagai agama murni sejagat.

5 Berdasarkan prinsip di atas, Muis mengambil strategi pendekatan berikut:

- (a) Memanfaatkan dan mengubah “musibah” ini kepada “hikmah”. Ia membuka peluang kepada masyarakat Islam untuk mendekati masyarakat lain dan menonjolkan imej Islam yang sebenar.
- (b) Menggembleng sumber-sumber dan kepakaran dalam dan luar Muis seperti masjid-masjid dan badan-badan bantu diri Melayu/Islam dalam usaha mendekati “target groups” (kumpulan sasar).
- (c) Memanfaatkan jaringan kerja (networking) dengan badan pemerintah dan swasta seperti Persatuan Rakyat, Kementerian Penerangan, Perhubungan dan Kesenian, Kementerian Pendidikan, persatuan suku kaum Cina dan badan-badan akar umbi (grassroots bodies).
- (d) Bekerjasama dengan media (media cetak dan elektronik) terutama media Inggeris dan Cina dengan berkongsi maklumat dan meyakinkan mereka pentingnya menyampaikan maklumat/fakta yang betul mengenai Islam dan masyarakat Islam Singapura.

Program Pendidikan Awam

6 Awal tahun ini, Muis telah menubuhkan satu unit khas – Unit Pendidikan Awam - untuk melakarkan strategi dan melaksanakan program-program pendidikan awam. Unit ini diketui oleh seorang sarjana bahasa dan kesusasteraan Mandarin yang berpengalaman. Beliau juga mempunyai pengetahuan mengenai falsafah dan sejarah Cina serta perkembangan Islam di Cina. Keupayaan beliau berbahasa Mandarin dengan fasih memudahkan usaha Muis mendekati masyarakat Cina. Ini adalah sejajar dengan matlamat utama unit tersebut iaitu mendekati masyarakat Cina dan sekaligus mengukuhkan hubungan integrasi nasional.

7 Antara program yang dijalankan termasuklah mengadakan siri ceramah, dialog dan sesi maklum balas mengenai Islam dalam konteks negara majmuk dalam bahasa Inggeris dan Mandarin. Jelas, sejak peristiwa Sep 11 dan insiden-insiden selanjutnya, minat masyarakat bukan Islam di Singapura terhadap Islam semakin menebal. Peluang ini dimanfaatkan oleh Muis untuk membetulkan apa jua salah tanggapan mengenai Islam.

8 Buktinya, hampir setiap minggu sejak Jan tahun ini, Muis menerima tidak kurang dua undangan untuk menyampaikan ceramah mengenai Islam. Setiap sesi selama dua hingga tiga jam ini dihadiri antara 30 hingga 900 peserta Cina, India dan Serani. Mereka ini termasuk para pemimpin masyarakat, pemimpin kesatuan sekerja, pegawai-pegawai kanan pemerintah, pendidik dan para pelajar. Biasanya, sesi ini disusuli dengan soal jawab dan ini memberi peluang kepada Muis untuk membetulkan salah faham tentang Islam dan sekaligus menonjolkan imej kemurniaan Islam yang cintakan kedamaian sejagat.

9 Salah satu kegiatan yang memaparkan konsep universal ini ialah kempen pungutan dana bagi mangsa-mangsa pelarian Afghanistan dan Palestin. Kempen pungutan dana bagi pelarian Afghanistan lewat tahun lalu dianjurkan bersama Persatuan Palang Merah Antarabangsa Singapura. Kempen ini mendapat sambutan hangat daripada semua golongan rakyat Singapura. Dalam kempen ini Muis berjaya mengumpulkan lebih S\$250,000 bagi pihak masyarakat Islam. Bagi kempen dana rakyat Palestin pula, ia dianjurkan oleh sebuah badan sukarela, Mercy-Relief, yang bekerjasama dengan sebuah persatuan kuil Buddha setempat dan disokong oleh Muis sendiri. Dalam kempen-kempen ini, masjid-masjid telah memperuntukkan

satu Jumaat bagi tujuan pungutan dana tersebut. Lazimnya, jumlah pungutan bagi satu Jumaat adalah sekitar antara S\$50,000 hingga S\$100,000.

Peranan dan Sumbangan Masjid

10 Di peringkat masjid pula (terdapat 68 masjid di Singapura), sejak akhir-akhir ini hampir setiap minggu, masjid-masjid sering dikunjungi oleh rombongan para pemimpin dan penduduk bukan Islam. Mereka ingin mengetahui lebih dekat tentang masjid dan maklumat asas mengenai Islam seperti apa itu azan, solat Jumaat, khutbah, kegiatan masjid dan bagaimana masjid boleh bekerjasama dengan badan-badan lain di kejiranan tersebut untuk mengukuhkan lagi hubungan antara kaum dan agama.

11 Mengambil kesempatan keadaan ini, buat julung-julung kalinya Muis bersama Masjid Al-Muttaqin (terletak di salah sebuah estet perumahan awam) mengajurkan perayaan awal Muharam atau Zikral Hijrah dengan mengundang rakan-rakan bukan Islam yang tinggal di sekitar masjid berkenaan untuk sama-sama meraikan majlis tersebut. Para tetamu yang merupakan para Anggota Parlimen dan pemimpin akar umbi turut diberi taklimat dan berpeluang melihat pameran mengenai sejarah dan ajaran Islam.

12 Sempena dengan perayaan itu juga, satu acara simbolik berjalan malam (berhijrah – Night Explorer) sejauh lebih 20 kilometer diadakan dengan penyertaan lebih 300 peserta bukan Islam. Acara ini memberi kesempatan kepada para peserta bukan Islam mengetahui lebih dekat sejarah dan pengertian hijrah.

13 Pihak masjid pula mengambil kesempatan jaringan kerja dengan kaum lain ini untuk membalas kunjungan ke rumah-rumah ibadah mereka seperti kuil Cina, kuil Hindu dan gereja.

Mendekati Sekolah

14 Golongan pelajar terutama yang menuntut di peringkat pos-menengah merupakan antara kumpulan sasaran atau “target group” program pendidikan awam Muis. Tiga jenis program kini sedang dilaksanakan:

- (a) Siri ceramah dan diskusi dengan para pelajar sekolah pemerintah di bawah Program Bantuan Khas (SAP). Mereka ini

merupakan antara 10% pelajar terbaik Cina di Singapura. Antara sekolah tersebut termasuk Chinese Girls' School dan Chinese High.

- (b) Program khusus bagi para pelajar Maktab Rendah Hwa Chong (99 peratus pelajar Cina). Kegiatan termasuk ceramah mengenai amalan dan kepercayaan orang-orang Islam; para pelajar maktab ini menyediakan kelas bantuan atau tuisyen bagi para pelajar madrasah sepenuh masa bagi mata pelajaran matematik dan sains; kegiatan motivasi bagi anak-anak yatim Islam; mempelajari budaya Melayu daripada belia Islam; dan riadah sukan bolasepak persahabatan.
- (c) Program "Learning Journeys" – para pelajar menengah diundang mengunjungi sebuah masjid di estet perumahan awam untuk mengenali masjid dan hal-hal bersangkutan dengan amalan-alaman Islam seperti berwuduk, solat, azan dan seumpamanya.

Kerjasama Media Inggeris dan Cina

15 Program pendidikan awam untuk mengembalikan imej Islam tidak akan membawa kesan meluas tanpa kerjasama media. Muis memang selama ini mempunyai hubungan kerja yang baik dengan media. Peristiwa Sep 11 menyajikan peluang lebih besar bagi Muis memanfaatkan jaringan kerja ini terutama bagi media Inggeris dan Cina. Muis perlu mendekati pembaca bukan Melayu yang mungkin mempunyai pandangan yang kurang tepat mengenai Islam yang mereka perolehi daripada laporan-laporan kurang seimbang yang disiarkan oleh media Inggeris seperti akhbar harian The Straits Times (edaran 398,000 naskah) dan akhbar harian Cina, Lianhe Zaobao (edaran 197,000 naskah).

16 Dari masa ke masa, Muis mengadakan sesi informal (seperti working lunch) dengan para wartawan kanan kedua-dua akhbar tersebut dan bertukar-tukar maklumat serta maklum balas mengenai liputan mereka. Muis juga membantu para wartawan tersebut dari segi mendapatkan maklumat yang betul, membatu memeriksa/membetulkan fakta makalah/komentar mereka serta menyediakan makalah-makalah yang lebih seimbang untuk disiarkan.

17 Muis juga menyediakan program pembangunan intelektual di mana cendiakiawan Islam dari negara-negara luar termasuk Indonesia diundang untuk menyampaikan ceramah dan berdialog dengan kumpulan-kumpulan tertentu termasuk wartawan mengenai isu-isu kontemporer Islam. Sesi seperti ini amat berguna kepada para wartawan kerana ia membantu memberi mereka perspektif seimbang mengenai sesuatu isu itu.

18 Bulan hadapan, Muis akan mengenalkan satu program “attachment” bagi wartawan berbahasa Mandarin. Di bawah program ini, wartawan berkenaan akan menghabiskan satu atau dua hari untuk mengetahui lebih dekat hal-hal seperti pendidikan madrasah, pentadbiran masjid dan pengurusan makanan halal. Pendedahan ini membolehkan wartawan berkenaan menulis laporan dengan lebih terperinci dan seimbang.

Imej Lebih Baik

19 Maklum balas yang diterima sejauh ini sama ada menerusi laporan media, Internet dan sesi-sesi dialog menunjukkan bahawa semakin ramai orang bukan Islam di Singapura kini lebih memahami Islam dan masyarakat Islam berbeza dengan apa yang mereka tanggapi sebelum ini.

20 Kesedaran pentingnya hubungan harmoni antara kaum dan integrasi nasional juga semakin menyerlah. Masyarakat Singapura tidak kira kaum kini lebih bersikap terbuka untuk membincangkan isu-isu sensitif seperti isu kaum dan agama. Jika dahulu, jarang orang bukan Islam menghubungi Muis secara langsung sama ada menerusi telefon atau Internet untuk menanyakan sesuatu atau mendapatkan panduan/nasihat, kini kerap sekali mereka berbuat demikian. Misalnya, baru-baru ini kami menerima e-mel daripada seorang majikan Cina yang bertanyakan apakah wajar beliau menyediakan tempat solat bagi kakitangan Islam. Di satu seminar nasional tidak lama dulu, pihak penganjur bukan saja memastikan makanan yang disediakan itu halal, malah menyediakan ruang solat untuk peserta Muslim apabila beliau diberitahu terdapat ramai peserta Muslim di seminar itu. Malah amalan tersebut sudah menjadi amalan biasa bagi pengajur tersebut setiap kali mengadakan seminar tahunan itu.

21 Satu lagi perkembangan yang ketara ialah kejayaan Muis menjalin hubungan dengan kumpulan elit Cina yang berpengaruh menerusi jaringan kerja dengan Persatuan Guru-Guru Sekolah Menengah Cina Singapura (Singapore Middle School Chinese Teachers' Association). Muis telah

diundang oleh persatuan itu untuk menyampaikan ceramah mengenai Islam pada 26 Mei yang dihadiri oleh 400 guru Cina. Ceramah ini telah membantu guru-guru Cina memahami Islam dengan betul dan mereka kemudian akan menyebarkan maklumat tersebut kepada para pelajar mereka.

Rumusan: Cabaran Selanjutnya

22 Walaupun hubungan kaum semakin teguh dan imej Islam semakin pulih, Muis dan masyarakat Islam Singapura tidak harus berpuas hati. Usaha ini perlu dilipatgandakan dengan mencari dan menerapkan idea-idea baru serta strategi yang lebih berkesan.

23 Masyarakat Islam, khususnya, dan pemerintah Singapura, amnya, meletakkan harapan tinggi ke atas Muis selaku badan tertinggi Islam untuk memastikan Islam dan masyarakat Islam sentiasa memainkan peranan penting dan positif sebagai penyumbang kepada pembangunan Singapura terutama dari segi integrasi nasional, pengukuhan perpaduan, kesejahteraan dan keharmonian kaum dan agama.

24 Bagi Singapura, ia tidak mempunyai pilihan lain selain memastikan *Kemantapan dan Perpaduan Kaum* sentiasa dipupuk dan dibaja demi penakatan (“survival”) masa depannya.

**MAJLIS UGAMA ISLAM SINGAPURA
7 MEI 2002**